



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA


(Bagi Minggu 10/2022 dari 6 Mac hingga 12 Mac 2022)


Pada minggu ke-10 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 543 berbanding 671 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 128 kes (19.1%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu ke-10 tahun 2022. Kumulatif kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 6,772 kes berbanding 6,078 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan 694 kes (11.4%), manakala dua (2) kematian denggi dilaporkan berbanding tiga (3) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 22 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 19 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 21 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan satu (1) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem surveilan chikungunya merekodkan sebanyak 18 kes pada minggu ke-10 dengan masing-masing tujuh (7) kes dari WPKL & Putrajaya serta Negeri Sembilan, tiga (3) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari Melaka. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 238 kes **(Lampiran E)**. Bagi surveilan zika, sebanyak 328 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan fasa peralihan monsun akan bermula pada pertengahan Mac 2022 dan akan berterusan sehingga Mei 2022. Semasa fasa peralihan monsun, kejadian ribut petir akan berlaku bersama hujan lebat berserta angin kencang dan keadaan ini akan menyebabkan kejadian banjir kilat. Maka, semua lapisan masyarakat perlu memastikan tiada bekas-bekas di luar rumah seperti akuarium lama, baldi, tong cat dan bekas-bekas lain yang berpotensi menakung air.

Bekas-bekas yang masih dapat digunakan hendaklah dikeringkan serta disimpan dengan berhemah, manakala bekas yang tidak digunakan hendaklah dilupuskan. Peliharalah kebersihan persekitaran dengan tidak membuang sampah merata-rata serta pupuklah tabiat ini dalam diri dan generasi muda sejak kecil. Selain itu juga, sekiranya ada anggota keluarga yang menunjukkan gejala demam panas, sakit otot/ sendi, muntah atau pedih ulu hati, janganlah bertangguh untuk mendapatkan rawatan kerana ianya mungkin gejala demam denggi. Ingatlah, Aedes boleh membunuh. Oleh itu, jangan bertangguh. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**



TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Mac 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-9 dan ke-10 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-10 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan Median 2017-2021



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-10 tahun 2022

Lampiran C

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 10/2022
(6 Mac hingga 12 Mac 2022)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 10/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 10/2021	
		Minggu 10 (6 Mac – 12 Mac 2022)		Minggu 09 (27 Feb – 5 Mac 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	6	0	2	0
2	Kedah	6	0	6	0	163	0	60	0
3	P. Pinang	6	0	5	0	86	0	109	0
4	Perak	16	0	10	0	122	0	138	0
5	Selangor	392	0	460	0	4,603	0	3,386	0
6	WP KL & Putrajaya	33	0	64	0	549	0	677	0
7	N. Sembilan	12	0	27	0	217	0	171	1
8	Melaka	8	0	8	0	120	0	229	0
9	Johor	16	0	27	0	248	0	607	1
10	Pahang	5	0	9	0	72	0	145	1
11	Terengganu	0	0	0	0	12	0	15	0
12	Kelantan	7	0	9	1	57	1	71	0
13	Sarawak	9	0	13	0	144	1	100	0
14	Sabah	33	0	31	0	368	0	366	0
15	WP Labuan	0	0	2	0	5	0	2	0
	MALAYSIA	543	0	671	1	6,772	2	6,078	3

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 10/2022
(6 Mac hingga 12 Mac 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Puncak 3 Tmn Puncak Saujana	45	99
2	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 8 Armanee Terrace Kondo	42	94
3	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Idaman Fasa 1 (A,B,C,H,J,K,L,M,N)	26	71
4	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 9A 2 (Jln 9A/1,2,4,13,14,15,16,18,19)	12	64
5	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (P/puri Jasmin : Blok 1 - 6)	15	61
6	SELANGOR	Hulu Langat	P/puri Makmur Saujana Impian	14	60
7	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Harmoni 1 (A,B,C,L,M,N,O,P,Q)	8	59
8	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bandar Sungai Long	6	53
9	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 2/5	20	49
10	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 13 (MSU)	17	49
11	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 1-9 Tmn Kantan Permai	9	46
12	SELANGOR	Petaling	E13. Kolej Vokasional Shah Alam	5	44
13	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan KP 7-10 Taman Kajang Perdana	8	42
14	SELANGOR	Petaling	E7. KD PJU 5 Sek 4 Gugusan Mawar	16	39
15	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Idaman Fasa 2 (D,E,F,G,O,P,Q,R,S)	11	38
16	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Teres C : Jln 17/25 - 17/30)	7	35
17	SELANGOR	Petaling	E7. KD PJU 5 Sek 4 Gugusan Semarak	10	34
18	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 9 Sd 8	10	33
19	SELANGOR	Hulu Langat	Saujana Palma Residence Prima Saujana	5	32
20	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 20 (Kuarters Polis : Blok 5 - 12)	4	32
21	SELANGOR	Petaling	E7. KD PJU 5 Sek 6 Gugusan Cempaka	5	32
22	WPKL	Lembah Pantai	Taman Gembira B (Sbhg Jln Selesa 1,9-12,Jln Riang 11-15, Sbhg Jln Selesa)	5	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 10/2022
(DARI 6 MAC HINGGA 12 MAC 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 10/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 10/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 10/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 10/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	0	3
2	Kedah	0	2	6	56	140
3	P. Pinang	0	2	5	9	77
4	Perak	0	7	3	59	180
5	Selangor	3	16	54	34	339
6	WP KL & Putrajaya	7	6	95	65	490
7	N. Sembilan	7	0	53	0	22
8	Melaka	1	1	2	11	29
9	Johor	0	6	2	17	97
10	Pahang	0	0	1	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	2	17	6	55
13	Sarawak	0	0	0	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	18	42	238	257	1,432

